

▼17/03/18-51MST

R GB 17-03 00165 BH183

Bah

JANGAN PERTIKAIKAN KEDUDUKAN TUN HAMID
Mahathir - Peguam

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Majlis Peguam tidak seharusnya 'mempersoalkan kedudukan Tun Abdul Hamid Omar sebagai Ketua Hakim Negara dan sekaligus 'menjadi ketua kehakiman.

+Soal Tun Hamid menjadi Ketua Hakim Negara dan sekaligus menjadi ketua kehakiman tidak timbul kerana perantikan tersebut dibuat mengikut perlembagaan,+ katanya.

+Majlis Peguam tidak ada hak menentukan siapa yang harus menjadi Ketua Hakim Negara,+ kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan Hari Raya kepada lapan orang anak yatim Wilayah Persekutuan oleh Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali di sini, malam ini.

Deliau menyifatkan tindakan peguam, yang tidak mengiktiraf Abdul Hamid sebagai Ketua Hakim Negara tetapi sanggup berada di kamarnya untuk sesuatu perbincangan, sebagai satu perkara aneh dan pelik.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir menyeru ibu bapa supaya menanamkan sikap bertanggungjawab dan tolong-menolong dalam diri anak-anak mereka. -- Lagi

▼17/03/22-49MST

Bah

Mahathir - Peguam 2 (Akhir) Kuala Lumpur

+Perkarai ini perlu untuk melahirkan sebuah masyarakat penyayang di samping membantu mereka berdikari,+katanya.

Dr Mahathir juga berharap masyarakat Islam tidak selalunya mengharapkan bantuan orang lain kerana ini akan menjatuhkan imej dan menyebabkan mereka tidak dihormati oleh masyarakat lain.

Yang Di pertua Persatuan Kebajikan Anak-anak Yatim Wilayah Persekutuan, Datuk Haji Hanafiah Ahmad dalam ucapannya pula berkata persatuan itu memperuntakkan bantuan sebanyak \$55,000 hasil sumbangan pelbagai pihak.

Kanak-kanak tersebut, adalah antara 550 orang anak-anak yatim di bawah kelolaan persatuan itu, menerima \$100 seorang sebagai perbelanjaan Hari Raya.

Seorang ibu, Puan Kamariah Afandi, yang mempunyai tujuh orang anak berumur antara satu hingga 13 tahun, juga menerima bantuan yang serupa. -- Bernama

▼17/03/22-56MST